

KANGKUNG

Nama Saintifik: *Ipomea reptans*

Pengenalan

Kangkung (*Ipomea reptans*) merupakan satu tanaman jenis sayuran berbatang lembut dan berwarna hijau yang penting di Asia.

Kangkung dikenali dengan pelbagai nama di barat seperti water convolvulus, water spinach, swamp cabbage dan swamp morning-glory. Kangkung atau phak bong (Laos), camotillo (Peru), cancong (Filipina), argali (sudan), paakboong (Thailand), rau muong (Vietnam) merupakan sayuran menjalar yang dipercayai berasal dari India.



Amalan Kultur

Penyediaan Kawasan :

Kawasan dibajak dan digembur. Batas dibentuk selebar 1.2 m dan tinggi 20-30cm. Pengapuran dilakukan tidak kurang 14 hari sebelum menanam semasa pembajakan pada kadar 3-5 tan/ha bagi tanah mineral. Baja organik diberi pada kadar 3-5 tan/ha.

Kaedah Penanaman

Atas batas/ladang : Biji benih ditanam terus ke atas batas. Iaitu di dalam alur yang dibuat merintang batas.

Dalam pasu: Tabur 2-3 biji benih

Penjarangan : Dibuat 10-14 hari selepas menanam

Jarak tanaman : 20 cm di antara baris dan 10 cm di antara pokok



Membaja

Jenis Baja	Kadar (t/ha/musim)	Masa (Minggu lepas tanam)	Cara
Organik	4.0	1	Gaul dalam tanah
Inorganik	0.5	2, 3	Kelling pokok

Kawalan Racun Serangga

Jenis Serangga/Penyakit	Simptom	Cara Kawalan
Karat Putih (<i>Albugo ipomoeae aquatica</i>)	Kelihatan tompok-tompok putih di bahagian atas daun	Amalkan tanaman giliran. Sembur racun mancozeb

Kaedah Penjagaan

Kangkung memerlukan air yang banyak untuk tumbesarnya. Penyiraman air dua kali sehari boleh dilakukan secara manual atau menggunakan sistem pengairan renjis adalah disyorkan.



Siraman Cuka Kayu

Cuka kayu berfungsi sebagai penghalau serangga, pemulih tanah dan penyubur pokok.

Cara penggunaan:

- Bancuh cuka kayu 1ml : 500ml air
- Sembur di pucuk sehingga ke pangkal pokok dan ke media semaian sebanyak 2 kali seminggu.

Menuai Hasil

Kangkung dapat dituai selepas 30 hari penanaman. Sayur kangkung perlu dicabut bersama akar pada awal pagi atau lewat petang untuk memastikan hasil yang berkualiti tinggi dan dapat dipasarkan. Selepas dituai, kangkung perlu melalui proses seperti pemilihan, pembersihan, penggredan dan pembungkusan. Akar kangkung perlu dibersihkan menggunakan air bersih sebelum dipasarkan untuk menjamin kebersihan.



JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK

TINGKAT 6, BANGUNAN SERI PERAK, JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB, 30000 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN.

TELEFON: 05-242 6176/05-254 1999, FAKS: 05-242 6177/05-255 5324

WEBSITE: www.pertanianperak.gov.my



Jabatan Pertanian Negeri Perak



Pertanian Perak



myDOA_Perak

TERBITAN OGOS 2021